



MANUAL PENGGUNA

SISTEM PERMOHONAN PEPERIKSAAN JAKIM (IEXAM)

(Peranan: Pemohon)

VERSI PERUBAHAN DOKUMEN

No. Versi	Perincian Perubahan	Tarikh Perubahan	Disediakan Oleh
1.0	Versi rasmi	10 April 2024	Rocket Web Sdn Bhd

ISI KANDUNGAN

VERSI PERUBAHAN DOKUMEN.....	II
ISI KANDUNGAN.....	III
SENARAI RAJAH	IV
1 PENGENALAN.....	1
2 MUKA HADAPAN SISTEM	2
3 PERMOHONAN BAHARU.....	3
3.1 Membuat Permohonan Menduduki Peperiksaan.....	3
4 SEMAKAN PERMOHONAN	6
4.1 Semak Status & Cetak Slip Pengesahan Permohonan Peperiksaan	6
4.2 Cetak Slip Arahan Peperiksaan.....	9
5 SEMAK KEPUTUSAN PEPERIKSAAN.....	11
5.1 Semak & Cetak Slip Keputusan Peperiksaan.....	11

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Muka hadapan sistem	2
Rajah 2: Maklumat awal permohonan	3
Rajah 3: Maklumat penuh permohonan	5
Rajah 4: Semakan permohonan	6
Rajah 5: Maklumat permohonan	7
Rajah 6: Status permohonan	7
Rajah 7: Slip pengesahan permohonan	8
Rajah 8: Maklumat permohonan	9
Rajah 9: Slip menduduki peperiksaan	10
Rajah 10: Semak keputusan peperiksaan	11
Rajah 11: Semakan keputusan peperiksaan	11
Rajah 12: Slip keputusan peperiksaan	12


1 PENGENALAN

Manual ini disediakan sebagai rujukan kepada pengguna Sistem Permohonan Peperiksaan JAKIM (i-EXAM). Ia mengandungi panduan asas mengenai penggunaan sistem serta modul-modul yang terlibat bagi setiap peranan pengguna. Manual ini juga menerangkan secara terperinci fungsi dan langkah-langkah dalam setiap proses mengikut peranan pengguna.

Sistem Permohonan Peperiksaan JAKIM (i-EXAM) ialah platform digital yang membolehkan individu membuat permohonan untuk menduduki peperiksaan yang dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sistem ini direka untuk memudahkan pemohon dalam membuat permohonan baharu, menyemak status permohonan, serta membolehkan pentadbir log masuk dan mengurus sistem dengan lebih efisien.

2 MUKA HADAPAN SISTEM

Sistem i-EXAM boleh dilayari dengan menggunakan pautan <https://iexam.islam.gov.my>. Muka hadapan sistem adalah seperti berikut



Rajah 1: Muka hadapan sistem

Penerangan paparan muka hadapan sistem adalah seperti berikut:

- Permohonan Baru – untuk membuat permohonan baru peperiksaan yang dibuka oleh JAKIM
- Semakan Permohonan – untuk semakan status permohonan dan cetakan slip pengesahan permohonan
- Semakan Keputusan – untuk semakan keputusan peperiksaan yang telah diduduki dan cetakan slip keputusan peperiksaan
- Maklumat untuk menghubungi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)
- Ruangan Berita – memaparkan info-info semasa dan terkini berkaitan peperiksaan
- Sukatan Peperiksaan untuk dimuat turun

- G. Borang Pengesahan – borang pelepasan menduduki peperiksaan daripada Ketua Jabatan pemohon
- H. Jadual Peperiksaan untuk dimuat turun

3 PERMOHONAN BAHARU

3.1 Membuat Permohonan Menduduki Peperiksaan

Calon boleh membuat permohonan baru berdasarkan peperiksaan yang dibuka oleh pihak BPSM, JAKIM. Untuk membuat permohonan baru peperiksaan, ikuti langkah - langkah permohonan di bawah

- I. Klik butang **Permohonan Baru**, paparan seperti di bawah akan dipaparkan



Rajah 2: Maklumat awal permohonan

- II. Masukkan **No. Kad Pengenalan**, pilih **Peperiksaan** dan masukkan **Gred**.
- III. Bagi Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL), masukkan **Tarikh Sah Jawatan Di Gred Hakiki**
- IV. Untuk Peperiksaan Pengesahan Dalam Perkhidmatan masukkan **Tarikh Lantikan**
- V. Klik butang **Seterusnya**

Sistem akan membuat semakan berdasarkan maklumat awal yang dimasukkan dan membuat sekatan permohonan jika tidak memenuhi syarat permohonan.

Syarat Permohonan adalah:

1. Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

- Pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan
- Telah berada di Skim Perkhidmatan semasa sekurang – kurangnya 3 tahun
- Diperakuan oleh ketua jabatan

2. Peperiksaan Pengesahan Dalam Perkhidmatan

- Pegawai lantikan tetap yang masih belum disahkan dalam perkhidmatan.

VI. Jika pemohon memenuhi syarat permohonan, paparan untuk mengisi permohonan penuh seperti di bawah akan dipaparkan

Permohonan Baru

Nama Penuh *	SILA MASUKKAN NAMA PENUH
No. Kad Pengenalan *	881234567890
Jantina *	Perempuan
No. Telefon Bimbit *	Sila masukkan No. Telefon Bimbit
No. Telefon Pejabat *	Sila masukkan No. Pejabat
No. Telefon Rumah	Sila masukkan No. Rumah
No. Fax	Sila masukkan No. Fax
Jawatan & Gred Semasa *	Sila Pilih
Kategori Lantikan *	Sila Pilih
Alamat E-mel *	Sila masukkan Email
Alamat E-mel Bahagian Sumber Manusia *	Sila masukkan Email (A)
Status Calon *	Sila Pilih Status Calon
Kategori Calon *	Sila Pilih Kategori Calon
Ketua Perkhidmatan *	Sila Pilih Ketua Perkhidmatan
Tarikh Lantikan *	01/06/2022
Alamat Tempat Bertugas *	Cth: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cth: Blok D7 & D9, Kompleks D, Cth: Pusat Pendaftaran Kerajaan Persekutuan,
Poskod *	Sila masukkan Poskod
Bandar *	Sila masukkan Bandar
Negeri *	Sila Pilih Negeri
Borang Pengesahan *	Choose File no file selected

*Template Borang Pelepasan Ketua Jabatan boleh didapati [di sini](#) atau di [halaman utama](#).

Butir-butir Peperiksaan

Peringatan! Sila tandakan pada bahagian peperiksaan yang ingin dipohon. **(B)**

Bahagian C : Perundangan Islam <input type="checkbox"/>
Bahagian D : Pengurusan Hal Ehwal Islam <input type="checkbox"/>

Perhatian

1. Kesalahan mengisi maklumat adalah tanggungjawab pemohon.
2. Permohonan boleh dibatalkan sekiranya urusetia mendapati berlaku cubaan penipuan maklumat pemohon.

Pemohon yang mengemukakan maklumat palsu boleh menyebabkan permohonan ditolak **(C)**

Han(D) Mohonan **(D)**

Rajah 3: Maklumat penuh permohonan

- VII. A - Masukkan semua maklumat yang berkaitan.
- VIII. B – Tandakan Bahagian peperiksaan yang ingin dipohon.
- IX. C - Tanda *checkbox* persetujuan yang berada di bawah paparan.

X. D - Klik butang **Hantar Permohonan**

4 SEMAKAN PERMOHONAN


Calon boleh semak status dan cetak slip pengesahan permohonan peperiksaan serta cetak slip arahan peperiksaan

4.1 Semak Status & Cetak Slip Pengesahan Permohonan Peperiksaan

Slip pengesahan permohonan peperiksaan perlu disimpan untuk tujuan rekod calon jika diperlukan.

Langkah - langkah semak status dan cetak slip pengesahan permohonan peperiksaan:

- I. Pada muka hadapan sistem seperti **Rajah 1**, klik butang **Semakan Permohonan**. Paparan seperti di bawah akan dipaparkan.



Rajah 4: Semakan permohonan

- II. Masukkan No. Kad Pengenalan.
- III. Klik butang **Hantar**. Paparan maklumat permohonan seperti di bawah akan dipaparkan.

Semakan Permohonan

Maklumat Permohonan			
Nama Penuh	:	ALI BIN AHMAD	
No. Kad Pengenalan	:	881234567890	

Show 10 entries Search:

Peperiksaan	Bilangan	Tahun	Tindakan
Peperiksaan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (Lantikan Tetap Sahaja)	0010	2025	

Showing 1 to 1 of 1 entries Previous 1 Next [Kembali](#)

Rajah 5: Maklumat permohonan

- IV. Klik ikon  pada baris peperiksaan yang dipohon. Paparan status permohonan seperti di bawah akan dipaparkan.

Semakan Permohonan

Maklumat Permohonan			
Nama Penuh	:	ALI BIN AHMAD	
No. Kad Pengenalan	:	881234567890	
Peperiksaan	:	Peperiksaan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (Lantikan Tetap Sahaja)	
Tahun	:	2025	
Bilangan	:	0010	

Bahagian	Status	Catatan
Bahagian C: Perundungan Islam	Disahkan	-
Bahagian D: Pengurusan Hal Ehwal Islam	Disahkan	-

[CETAK SLIP PENGESEAHAN PERMOHONAN](#) [Kembali](#)

Rajah 6: Status permohonan

Perincian status permohonan peperiksaan:

- **Menunggu Permohonan** – Permohonan peperiksaan mengikut Bahagian yang dipohon sedang dalam semakan dan pengesahan oleh BPSM
- **Disahkan** - Permohonan mengikut Bahagian telah disahkan oleh BPSM

V. Klik butang **Cetak Slip Pengesahan Permohonan**. Paparan slip seperti di bawah akan dipaparkan (Butang **Cetak Slip Pengesahan Permohonan** hanya akan aktif jika status Permohonan adalah **Disahkan**)



PEPERIKSAAN JAKIM
PENGESAHAN PENERIMAAN PERMOHONAN
PEPERIKSAAN JAKIM

NAMA CALON	:	ALI BIN AHMAD
NO. KAD PENGENALAN	:	881234-56-7890
TARIKH PERMOHONAN	:	24/03/2025
PEPERIKSAAN	:	Peperiksaan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (Lantikan Tetap Sahaja)
GRED	:	S9
SIRI	:	0010/2025

Bahagian	Tarikh
Bahagian C: Perundangan Islam	26/03/2025
Bahagian D: Pengurusan Hal Ehwal Islam	26/03/2025

Permohonan anda telah diterima dan akan diproses. **Slip Menduduki Peperiksaan** boleh disemak dalam masa 2 minggu sebelum tarikh peperiksaan.
Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada urusetia ditanian : 03 - 8870 7612

Cetak **Keluar**

Rajah 7: Slip pengesahan permohonan

VI. Klik butang **Cetak** dan slip akan dimuat turun

4.2 Cetak Slip Arahan Peperiksaan

Slip Arahan Peperiksaan perlu dimuat turun, dicetak, dan dibawa pada hari peperiksaan

Langkah - langkah cetak slip arahan peperiksaan:

- I. Pada paparan Status Permohonan seperti **Rajah 6**, klik butang **Cetak Slip Arahan Peperiksaan** seperti di bawah

Semakan Permohonan		
Maklumat Pemohon		
Nama Penuh	:	ALI BIN AHMAD
No. Kad Pengenalan	:	881234567890
Peperiksaan	:	Peperiksaan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (Lantikan Tetap Sahaja)
Tahun	:	2025
Bilangan	:	0010
Bahagian		Status
Bahagian C: Perundungan Islam		Disahkan
Bahagian D: Pengurusan Hal Ehwal Islam		Disahkan
CETAK SLIP ARAHAN PEPERIKSAAN		CETAK SLIP PENGESAHAN PERMOHONAN
		Kembali

Rajah 8: Maklumat permohonan

- II. Slip arahan peperiksaan akan dipaparkan seperti di bawah



PEPERIKSAAN JAKIM

SLIP MENDUDUKI PEPERIKSAAN JAKIM

NAMA CALON	:	ALI BIN AHMAD
NO. KAD PENGENALAN	:	881234-56-7890
GRED	:	S9
ANGKA GILIRAN	:	KHID/S9/3/2025/1
PEPERIKSAAN	:	Peperiksaan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (Lantikan Tetap Sahaja)
PUSAT PEPERIKSAAN	:	Dewan Peperiksaan, Perpustakaan Aras 6 Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Jalan IKRAM - UNITEN Kajang Kampus Putrajaya, Jalan Ikram - UNITEN 43000 Kajang Selangor
TAHUN	:	2025

Bahagian	Tarikh	Masa
Bahagian C: Perundungan Islam	26/03/2025	02:00 PM - 04:00 PM
Bahagian D: Pengurusan Hal Ehwal Islam	26/03/2025	08:00 AM - 10:00 AM



Arahan Kepada Calon:

1. Sila Cetak Slip ini dan bawa semasa hari peperiksaan berserta **KAD PENGENALAN**
2. Tawaran peperiksaan adalah muktamad dan calon-calon hendaklah:
 - i) Mematuhi arahan pengawas;
 - ii) Memakai pakaiian pejabat dan tanda nama;
 - iii) Membawa alat tulis yang perlu;
 - iv) Berada di dewan/bilik peperiksaan 15 minit sebelum peperiksaan bermula;
 - v) Calon tidak dibenarkan keluar dalam tempoh 30 minit selepas peperiksaan bermula dan dalam tempoh 30 minit sebelum peperiksaan tamat;
 - vi) Calon dilarang menggunakan sebarang alat komunikasi sepanjang peperiksaan berlangsung.
 - vii) Calon yang hadir lewat 30 minit selepas peperiksaan bermula tidak dibenarkan untuk memasuki dewan peperiksaan bagi tujuan menduduki peperiksaan.

Cetak Kembali

Rajah 9: Slip menduduki peperiksaan

VII. Klik butang **Cetak** dan slip akan dimuat turun

5 Semak Keputusan Peperiksaan

5.1 Semak & Cetak Slip Keputusan Peperiksaan


Langkah - langkah semak keputusan peperiksaan:

- I. Pada muka hadapan sistem seperti **Rajah 1**, klik butang **Semakan Keputusan**. Paparan seperti di bawah akan dipaparkan.



Rajah 10: Semak keputusan peperiksaan

- II. Masukkan **No. Kad Pengenalan**.
- III. Klik butang **Hantar**. Paparan maklumat permohonan seperti di bawah akan dipaparkan.



Rajah 11: Semakan keputusan peperiksaan

- IV. Klik ikon  pada baris peperiksaan yang dipilih. Paparan slip keputusan peperiksaan seperti di bawah akan dipaparkan.


PEPERIKSAAN JAKIM
KEPUTUSAN

NO. RUJUKAN : JAKIM.(S).500-5/1/2 JLD. 20
NAMA CALON : ALI BIN AHMAD
NO. KAD PENGENALAN : 881234-56-7890
GRED : S9
ANGKA GILIRAN : KHID/S9/3/2025/1
PEPERIKSAAN : Peperiksaan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (Lantikan Tetap Sahaja)
TAHUN : 2025
TARIKH : 25/03/2025

Bahagian	Tarikh	Keputusan
Bahagian C: Perundungan Islam	26/03/2025	LULUS
Bahagian D: Pengurusan Hal Ehwal Islam	26/03/2025	KANDAS

Salinan ini boleh di ambil kira dalam hal-hal berkaitan perkhidmatan. Bagi tujuan pengesahan ketulenan keputusan, Ketua Jabatan hendaklah menyemak dan mencetak keputusan ini di laman web <http://iexam.islam.gov.my>

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,
Aras 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 Putrajaya

No. Tel. : 03-8870 7000
No. Faks : 03-8870 7003
E-mel : webmaster@islam.gov.my



Hantar Emel

Kembali

Rajah 12: Slip keputusan peperiksaan

- V. Untuk cetak slip keputusan peperiksaan, klik butang **Hantar Email**. Slip keputusan peperiksaan akan dihantar kepada e-mail yang telah didaftarkan.

-TAMAT-